

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA 2020, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD.
RAMLI [LUMUT]**
TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah pelan jangka pendek dan panjang Kementerian untuk menghasilkan graduan doktor yang berkualiti tinggi untuk memenuhi keperluan kesihatan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi secara berterusan melaksanakan pelbagai bentuk strategi bagi memperkasakan kualiti pendidikan bidang perubatan bagi melahirkan graduan kedoktoran yang berkualiti dan memenuhi keperluan industri kesihatan negara. Antara langkah yang dilaksanakan adalah dengan menjalankan kajian hala tuju bidang bagi tempoh 5 tahun.

Kementerian dengan kerjasama Majlis Dekan Perubatan Universiti Awam pada tahun 2019 telah menjalankan Kajian Hala Tuju Bidang Perubatan. Hasilnya, satu pelan tindakan bagi meningkatkan kualiti pendidikan dan latihan perubatan di Malaysia telah dibangunkan. Antara aspek utama pendidikan yang ditekankan melalui pelan tersebut termasuklah kurikulum program, governan, aksesibiliti, tenaga pengajar serta persekitaran pembelajaran.

Perancangan Pelan Jangka Pendek yang digariskan adalah:

- i. Memperkasakan usaha menyelaraskan dan memantau pelaksanaan program perubatan dan kesihatan dengan memperluaskan peranan Jawatankuasa Teknikal Bersama sedia ada. Pelantikan ahli Jawatankuasa ini adalah di kalangan Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Perubatan Malaysia (MMC), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Majlis Dekan Perubatan;
- ii. Kedua, meningkatkan peranan Majlis Dekan sebagai badan penasihat kepada KPT dalam hal pendidikan perubatan;
- iii. Mengharmonikan usaha sama antara Universiti Awam (UA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) melalui Integrasi Majlis Dekan, Perkongsian Sumber, dan Perkongsian Tenaga Pengajar Pakar;
- iv. Memperkemas proses dan kaedah kemasukan pelajar bidang perubatan dengan mempertimbang laluan masuk yang lebih terbuka di mana pelajar boleh memasuki program mengikut beberapa tahap iaitu sama ada lepasan matrikulasi, diploma atau ijazah pertama; dan
- v. Menambahbaik keupayaan teknologi dalam fasiliti pengajaran dan pembelajaran (PdP) perubatan dengan menaik taraf infrastruktur dan akses internet.

Bagi jangka panjang pula, antara strategi yang telah digariskan adalah:

- i. Menyediakan kurikulum perubatan tersedia masa hadapan yang lebih fleksibel bagi membuka peluang pekerjaan atau pilihan kerjaya yang lebih luas kepada graduan perubatan selepas tamat pengajian. Struktur kurikulum perubatan bukan sahaja tertumpu kepada pembelajaran bidang, namun perlu dikembangkan dalam pelbagai bentuk pendekatan pembelajaran termasuk *work based learning*, keusahawanan dan pembelajaran sepanjang hayat melibatkan penggunaan teknologi baharu;

NO. SOALAN : 50

- ii. Mewujudkan standard kurikulum program kepakaran perubatan yang khusus untuk rujukan semua institusi. Langkah ini dilaksanakan dengan membangunkan kurikulum nasional program kepakaran pasca siswazah bagi melatih pakar-pakar perubatan negara yang berkualiti;
- iii. Mendapatkan pengiktirafan global kurikulum perubatan universiti-universiti di Malaysia melalui pengiktirafan dari pelbagai majlis perubatan antarabangsa seperti *World Federation for Medical Education* (WFME);
- iv. Menyediakan polisi yang jelas berhubung guna sama infrastruktur pendidikan dan latihan perubatan untuk mendorong kemajuan dan kesetaraan kualiti program di UA dan IPTS melalui kaedah perkongsian dan persaingan yang lebih sihat; dan
- v. Memperkemas polisi dan kaedah kawalan pelajar ke luar negara bagi mengatasi isu lambakan graduan perubatan selain meningkatkan pasaran dan kemasukan pelajar tempatan dan luar negara ke IPTS dalam negara yang menawarkan program perubatan.

Sekian, terima kasih.